



SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 11 TAHUN 2025

PENGURUSAN KEWANGAN *STRATEGIC BUSINESS UNIT (SBU)*

Pejabat Bendahari

5 Disember 2025

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (73)

5 Disember 2025

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 11/2025

PENGURUSAN KEWANGAN *STRATEGIC BUSINESS UNIT* (SBU)

1.0 TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bagi memaklumkan mengenai penambahbaikan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang berkuat kuasa di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Penubuhan *Strategic Business Unit* (SBU) oleh Universiti adalah merupakan salah satu inisiatif untuk meningkatkan hasil pendapatan Universiti melalui aktiviti penjanaaan yang lebih berfokus terutama berkaitan pendidikan dan pengajaran dan lain-lain aktiviti yang diluluskan oleh Universiti.

2.2 Penetapan had kuasa diwujudkan bagi memantapkan kuasa pihak-pihak yang menjalankan proses kewangan SBU dan Pihak Berkuasa Melulus.

3.0 PENGURUSAN DAN PERATURAN KEWANGAN SBU

3.1 Sumber Kewangan

3.1.1 Modal permulaan dari sumber dalaman Universiti;

3.1.2 Pendapatan dari hasil penjanaaan;

3.1.3 Sumbangan yang dibenarkan;

- 3.1.4 Agihan keuntungan terkumpul;
 - 3.1.5 Yuran Pengurusan; dan
 - 3.1.6 Lain-lain sumber yang dibenarkan oleh Universiti.
- 3.2 **Pihak Berkuasa Melulus**
- 3.2.1 Tertakluk kepada peraturan Bahagian Tadbir Urus Kewangan, PKPU.
- 3.3 **Peraturan Bajet Operasi**
- 3.3.1 Perancangan Tahunan perlu dikemukakan kepada Naib Canselor berdasarkan Laporan Kewangan Tahunan.
 - 3.3.2 Ketua PTj/SBU bertanggungjawab ke atas anggaran bajet yang diluluskan dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi kelulusan.
 - 3.3.3 Penetapan Had Kuasa baharu diwujudkan.
 - 3.3.4 Prestasi hasil pendapatan tahunan melaporkan kepada Naib Canselor dan seterusnya agihan keuntungan ditentukan oleh Universiti.
- 3.4 **Peraturan Terimaan**
- 3.4.1 Tertakluk kepada peraturan Bahagian Pengurusan Terimaan, PKPU.
- 3.5 **Peraturan Akaun Belum Terima**
- 3.5.1 Tertakluk kepada peraturan Bahagian Pengurusan Terimaan, PKPU.
- 3.6 **Peraturan Perolehan**
- 3.6.1 Tertakluk kepada peraturan Bahagian Perolehan Universiti, PKPU.
 - 3.6.2 Penetapan Had Kuasa baharu diwujudkan.

3.7 Peraturan Pembayaran

3.7.1 Tertakluk kepada peraturan Bahagian Pengurusan Pembayaran, PKPU.

3.8 Peraturan Aset dan Inventori

3.8.1 Tertakluk kepada peraturan Bahagian Pengurusan Aset Universiti, PKPU.

3.9 Peraturan Penjanaan

3.9.1 Diperluaskan mengikut skop aktiviti SBU melalui pengenaan kadar bagi program/perkhidmatan :

- i. Penetapan kadar yuran bagi program jangka panjang atau jangka pendek (tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Melulus);
- ii. caj perkhidmatan yang diluluskan oleh Naib Canselor;
- iii. caj pengurusan ke atas yuran program akademik sehingga maksimum 10% di bawah kuasa Naib Canselor;
- iv. caj yuran operasi sehingga maksimum 50% di bawah kuasa Naib Canselor;
- v. lain-lain skop aktiviti penjanaan yang ditetapkan oleh Universiti (penetapan kadar diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus)

3.9.2 Tertakluk kepada peraturan Bahagian Pengurusan Penjanaan, PKPU.

3.10 Laporan Kewangan

3.10.1 Laporan perlu dibentangkan untuk kelulusan Naib Canselor adalah :

- i. Laporan Penyata Pendapatan Tahunan sehingga 31 Disember
- ii. Cadangan agihan hasil kepada Universiti
- iii. Cadangan perbelanjaan tahunan

- iv. Cadangan kadar insentif
- v. Sasaran penjanaan pendapatan (enrolmen pelajar, caj perkhidmatan dan lain-lain yang berkaitan)

4.0 PEMAKAIAN

- 4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.
- 4.2 Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu <https://pkpu.utm.edu.my/index.php/>.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



SABARINA BINTI ABDULLAH
Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
as/pengemaskiniaPKPUMHK/2025